

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. HAJAH SITI MARIAH
BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah konkrit yang akan atau telah diambil untuk memastikan tidak berlaku lagi perebutan hak penjagaan anak atau mayat dalam perbezaan agama apabila salah seorang pasangan memeluk agama Islam.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri semasa Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 menyatakan bahawa akan ada pindaan ke atas Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164) bagi menyelesaikan isu pertikaian apabila salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam. Beliau turut menyatakan bahawa pindaan itu akan dibuat berdasarkan tiga prinsip utama iaitu:

- (a) Pertama, sebarang isu berbangkit berkenaan perceraian bagi perkahwinan yang didaftarkan secara sivil perlu diselesaikan di Mahkamah Sivil terlebih dahulu bagi memastikan tuntutan seperti hak jagaan dan nafkah anak hingga ke peringkat pendidikan tertinggi terpelihara;
- (b) Kedua, berpaksikan kepada prinsip keadilan sejagat, pindaan akta ini akan memberikan peluang kepada kedua-dua pasangan untuk menyelesaikan isu perkahwinan sivil di mahkamah sivil dan seterusnya membolehkan mereka meneruskan kehidupan masing-masing seperti untuk berkahwin lain bagi pasangan bukan Islam; dan
- (c) Ketiga, percanggahan yang berlaku antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berbangkit daripada pemelukan agama Islam oleh salah seorang pasangan dapat diselesaikan dan seterusnya

kelompangan perundangan dan pertindihan peruntukan undang-undang sedia ada dapat diselesaikan.

Pelbagai Mesyuarat sedang diadakan oleh Kementerian Dalam Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, dengan semua pihak-pihak berkaitan untuk membincangkan isu-isu berbangkit dengan pandangan yang komprehensif termasuk isu perebutan hak penjagaan anak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada butiran pertama, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan, Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri, kuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu beragama Islam atau tidak semasa kematiannya adalah terletak di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah dan bukannya mahkamah sivil. Ini kerana perkara tersebut menyentuh hal perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan penentuan hukum Syarak. Perkara ini adalah selaras dengan beberapa keputusan kes yang telah dibuat oleh mahkamah atasan negara ini dalam kes Dalip Kaur v. Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah, Bukit Mertajam & Anor [1992] 1 MLJ 1 dan kes Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kedah & Anor [1999] 2 CLJ 5 serta kes terkini iaitu Kaliammal a/p Sinnasamy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) & Ors [2012] 3 MLJ 694. Hj Raimi bin Abdullah v. Siti Hasnah Vangarama bt Abdullah and another appeal [2014] 3 MLJ 757.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ
TARIKH : 2.11.2016
SOALAN : NO. 31

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah ada kajian dilakukan bagi menentukan faktor sebenar yang menyebabkan kegagalan atau kelewatan para peminjam bagi melunaskan hutang PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada kajian khusus bagi mengenal pasti faktor sebenar yang menyebabkan kegagalan atau kelewatan para peminjam melunaskan hutang PTPTN. Namun begitu, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada peminjam, antara faktor yang menyebabkan kegagalan atau kelewatan para peminjam bagi melunaskan pinjaman mereka adalah:

- i) Peminjam masih menganggur dan belum mendapat pekerjaan;
- ii) Peminjam telah bekerja tetapi memperolehi pendapatan kecil yang tidak setimpal dengan kelulusan; dan
- iii) Sikap peminjam sendiri yang tidak mahu untuk membuat bayaran balik. Perkara ini dibuktikan apabila sebahagian peminjam yang sebenarnya telah bekerja dan memperoleh pendapatan yang mencukupi, hanya mula datang berunding untuk memulakan bayaran balik selepas dikenakan tindakan penguatkuasaan seperti disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen dan CCRIS.

PTPTN sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada peminjam dalam usaha mempermudah urusan bayaran balik pinjaman ini, termasuklah:

- i. Menyertai program atau karnival yang dianjurkan oleh pelbagai agensi Kerajaan dan swasta dengan membuka kaunter penerangan bayaran balik.
- ii. Menyediakan pelbagai saluran dan kemudahan bayaran balik pinjaman melalui kaunter dan perbankan internet.
- iii. Menubuhkan 74 cawangan pejabat PTPTN di seluruh negara bagi memudahkan rundingan dan bayaran balik pinjaman.
- iv. Melaksanakan penstrukturan semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik sehingga umur 60 tahun.
- v. Mengeluarkan notis tuntutan kepada semua peminjam yang telah tamat tempoh pengajian bagi memulakan bayaran balik.
- vi. Mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam yang ingkar membuat bayaran balik.
- vii. Mengeluarkan surat tuntutan tunggakan bayaran kepada peminjam yang tidak membuat bayaran mengikut jadual bayaran balik.